

# Kes keganasan terhadap wanita masih membimbangkan

Kosmo (26/11/2023) page 10

**PETALING JAYA** – Kes keganasan terhadap wanita masih berada pada tahap membimbangkan dengan 5,050 kes direkodkan bagi tempoh Januari sehingga Ogos tahun ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, jumlah itu melibatkan kes keganasan rumah tangga, jenayah rog dan gangguan seksual di seluruh negara.

Menurutnya, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 9,334 kes dicatatkan pada 2021, manakala 8,580 kes pada 2022.

“Kebanyakan kes keganasan terhadap wanita dilakukan oleh orang yang dikenali dan terdapat juga kes yang tidak dilaporkan kerana masalah dalaman keluarga atau masalah peribadi.

“Justeru Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menggerakkan kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita sempena sambutan Hari Me-



**SEBANYAK 5,050 kes keganasan direkodkan antara Januari sehingga Ogos tahun ini.** – GAMBAR HIASAN

nangani Keganasan Terhadap Wanita yang disambut hari ini (semalam).

“Kempen ini mengajak seluruh rakyat Malaysia memakai pakaian berwarna jingga pada 25 November (semalam) bagi memamerkan solidariti dalam menghentikan keganasan terhadap

wanita dan kanak-kanak,” katanya dalam kenyataan semalam.

Tambah Nancy, pihaknya komited untuk terus melindungi wanita khususnya mereka yang menjadi mangsa keganasan dengan pelaksanaan pelbagai perkhidmatan, program dan inisiatif berkaitan.